



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN
BANTUAN RAMADAN PARLIMEN HANG TUAH JAYA

TARIKH: 29 APRIL 2021 (KHAMIS), JAM 5.00 PETANG
DI JAPERUN AYER KEROH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih Pengacara Majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, pertamanya, marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dapat hadir bersama di Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Ramadan Parlimen Hang Tuah Jaya bagi tahun 2021 ini.
2. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak urus setia yang menjayakan majlis yang cukup bermakna pada petang ini. Semoga usaha yang mulia ini diberkati oleh Allah SWT.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada dif-dif jemputan serta semua penerima sumbangan yang dapat hadir di majlis ini.

4. Kepada semua penerima sumbangan yang diraikan, semoga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, saya berpeluang untuk beramah mesra dan berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan, seterusnya melaksanakan hasrat kerajaan dalam menyampaikan amanah secara terus kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

NUZUL AL-QURAN DI BULAN RAMADAN

5. Hari ini merupakan hari ke-17 umat Islam berpuasa dan hari ini cukup istimewa kerana ia adalah hari diturunkan kitab suci Al-Quran kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW atau Nuzul Al-Quran.

AMAL KEBAIKAN DI BULAN RAMADAN

6. Seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT, bulan Ramadan adalah bulan terbaik untuk kita meningkatkan segala amal kebaikan dari ibadah, bukan sahaja ibadah wajib, malah ibadah-ibadah sunat juga.
7. Pada bulan Ramadan juga, kita digalakkan untuk banyak bersedekah dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

8. Saya difahamkan pada hari ini sahaja, seramai **120 orang** bakal menerima sumbangan Bantuan Ramadan peringkat Parlimen Hang Tuah Jaya bagi tahun 2021 ini. Semoga, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat menceriakan dan memberikan kegembiraan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meraikan kedatangan 1 Syawal nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

VAKSIN COVID-19

9. Sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan sedang melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Kedua. Kepada yang masih belum mendaftar penerimaan suntikan vaksin ini, cepat-cepatlah mendaftar, kerana masih belum terlambat lagi untuk berbuat demikian. Pendaftaran vaksinasi ini boleh dibuat secara dalam talian, menerusi aplikasi MySejahtera atau laman sesawang khas di www.vaksin covid.gov.my, atau menerusi Borang Pendaftaran Vaksin yang telah diedarkan menerusi JPKK masing-masing.

10. Pada kesempatan ini juga, suka saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan agar janganlah lalai dan lupa dengan segala SOP yang telah ditetapkan. Saya menyeru kepada semua, jadikanlah amalan norma baharu ini sebagai sebahagian daripada kehidupan kita. Pakai pelitup muka, jaga penjarakan sosial dan sentiasa menggunakan *hand sanitizer*.

PENUTUP

11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak urus setia Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, pihak JAPERUN, pimpinan masyarakat serta semua yang terlibat di atas penganjuran majlis pada hari ini.

12. Pada kesempatan ini juga, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ